

PERSEMBAHAN TARIAN *PANANGSANG* DALAM RITUAL PENYEMBUHAN MASYARAKAT BAJAU LAUT

Yeon Amsalie @ Amsalib Pisali
Sharifuddin Zainal
Humin Jusilin
Mestrah Lauk

ABSTRAK

Masyarakat Bajau Laut di daerah Semporna mempunyai pelbagai jenis upacara ritual termasuk ritual penyembuhan yang menjadi pegangan turun-temurun kehidupan bermasyarakat mereka. Keharmonian dan keseimbangan terhadap alam ghaib menjelaskan hubungan kukuh masyarakat ini terhadap kuasa magis dan unsur semangat roh yang mencetuskan kreativiti dan keupayaan luar biasa bagi menghasilkan falsafah budaya masyarakat yang bersifat tabu. Sehubungan itu, makalah ini mengkaji elemen persembahan tarian yang menjadi penghubung antara dunia realiti dan dunia ghaib dengan menumpukan struktur persembahan pada peringkat menurun yang dikenali sebagai persembahan *Panangsang* dalam pelaksanaan ritual yang dilakukan. Hal ini berkaitan dengan struktur persembahan yang melibatkan fenomena dalam ruang dan masa, meliputi alam fizikal dan alam ghaib serta kedudukan manusia dalam ruang menurun tersebut. Penelitian ini menggunakan kaedah kualitatif yang memiliki perincian interpretasi. Pengumpulan data adalah berdasarkan observasi dalam kajian lapangan dan temu bual untuk mendapatkan maklumat secara terperinci yang telah dijalankan dalam kalangan masyarakat Bajau Laut yang menetap di Kampung Gelam-Gelam, Pulau Bum-Bum, Semporna, Sabah. Hasil analisis menunjukkan keseimbangan dan keharmonian masyarakat ini terhadap alam nyata dan alam ghaib adalah sangat penting untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka.

Kata kunci: Persembahan, tarian *Panangsang*, alam ghaib, ritual penyembuhan, Bajau Laut.

ABSTRACT

The Bajau Laut community of Semporna district were known to possess various rituals within their culture including the healing ritual which had been passed from generations. It is believed that the harmony and balance of the spiritual world as practiced by the community with respect to magical and spiritual elements had revolved creativity and extraordinary ability among the members hence produced a taboo

philosophical culture. In accordance to that, the present study looked into the dance performance element which connect the real world with the spiritual world by focussing on the plot analysis during the trance state of the Panangsang ritual dance. It also comprised of the analysis on the performance structure which includes the phenomena within the space and time of both real and metaphysical world as well as the position and role of human within the trance level. The study involves the use of qualitative method which possessed descriptive details. The collection of data was done through observations during field studies and interviews to gain specific information with the help of the Bajau Laut community from Kampung Gelam-Gelam of Pulau Bum-Bum Semporna. The result of the analysis revealed that the balance and harmony of the between the physical world and the metaphysic world indeed are related to each other.

Keywords: Performance, Panangsang dance, supernatural, healing ritual, Bajau Laut.

PENGENALAN

Upacara persembahan *Panangsang* diadakan apabila satu keputusan yang dicapai secara kolektif telah dicapai oleh komuniti masyarakat Bajau Laut yang mendiami kawasan perkampungan Pulau Bum-Bum. Sebagai contoh, mengubati penyakit, menolak bala, membuang sial, menangkap ikan, bercucuk tanam, menanam agar-agar laut dan sebagainya. *Kalamat*¹ akan bertindak sebagai peneraju acara dan menjadi orang tengah (penghubung di alam ghaib) untuk mengubati dan mentafsir perkara-perkara tersebut. Sesuatu fungsi dan makna akan diikuti oleh struktur persembahan kerana sebuah struktur persembahan mempunyai fungsi dan makna. Oleh hal yang demikian, kedua-dua aspek tersebut dipercayai dapat memotivasi dan membentuk fahaman bermasyarakat yang berpegang kepada amalan turun-temurun untuk mewujudkan peranan dan tujuan sesuatu perilaku itu diadakan dan menjadikannya sebagai satu fungsi utama dan mempunyai struktur (Trusted, 1991:41). Perkaitan antara fungsi dan struktur bergerak seiringan kerana dalam struktur mempunyai fungsi dan dalam fungsi itu mempunyai struktur (Mohd. Kipli, 2016: 22).

Sehubungan itu, kajian ini membincangkan tentang stuktur persembahan tarian yang menumpukan pada bahagian peringkat menurun. Struktur persembahan tersebut merangkumi peringkat eksposisi (permulaan), perkembangan (konflik), klimaks dan peleraian yang dianalisis mengikut hubung kait keperluan ritual masyarakat Bajau Laut melibatkan persembahan *Panangsang* sebagai sebuah tindakan dan proses perubatan. Kajian ini juga akan menjelaskan secara terperinci aspek struktur persembahan *Panangsang* daripada konteks tarian *Panangsang* sahaja. Upacara ritual masyarakat Bajau Laut terdiri daripada satu kumpulan ritual yang berbeza-beza strukturnya mengikut fungsi dan tujuan suatu upacara tersebut dijalankan.

Kalamat akan menggunakan kepakarannya bagi menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi menggunakan kaedah-kaedah yang berlainan. Walaupun begitu, kaedah-kaedah tersebut mempunyai struktur yang telah ditetapkan berpandukan ajaran daripada pewaris *kalamat* terdahulu (warisan *kalamat*). Struktur persembahan yang dilakukan tidak dapat mencapai ruang yang berada di luar daripada tindakan pelaku. Disiplin ini memandu hala tuju masyarakat Bajau Laut kepada suatu proses inisiasi keharmonian alam fizikal dan metafizik, merangkumi unsur makrokosmos (alam manusia) dan mikrokosmos (alam ghaib) sekali gus memandu fungsi dan makna upacara yang dilakukan.

Inisiasi yang dijelaskan adalah proses ritual sebagai suatu tanda perubahan status dalam hierarki kelompok atau masyarakat. Lazimnya, inisiasi menjadi tanda formal yang telah diterima menjadi dewasa dalam sesebuah kelompok masyarakat. Jelasnya, inisiasi merupakan suatu proses kehidupan bermasyarakat, beragama serta berbudaya yang berstruktur dan mempunyai fungsi. Oleh hal yang demikian, penyelidikan ini menumpuhkan terhadap dua buah upacara ritual yang berbeza kaedah dan tujuannya, iaitu ritual *Magduwata* dan ritual *Kok Ta'un* di Kampung Gelam-Gelam. Kedua-dua upacara ini akan menggunakan persembahan *Panangsang*.

Tarian *Panangsang* telah disebutkan dalam legenda masyarakat Bajau Laut, iaitu dalam legenda Arung Salamiah, sebuah legenda puteri Bajau yang mempunyai kuasa hikmat dan keramat. Menurut kepercayaan masyarakat Bajau Laut di daerah Semporna, sejak kelahiran Arung Salamiah, kuasa-kuasa ghaib dan misteri mulai mendampingi beliau. Kelahiran itu menyaksikan satu keajaiban telah berlaku, di mana semua hidupan alam berhenti dan tidak bergerak secara tiba-tiba seperti ombak membadaai tepian pantai, hujan renyai-renyai, ikan yang timbul pada permukaan laut, burung-burung berterbangan berhenti saat Arung Salamiah dilahirkan.

Pada usia beliau 10 tahun, beliau dikatakan sering bermain di tepi pantai bersama seekor ikan pari betina yang besar. Pari tersebut dipercayai sebagai penjaga laut (*Jin Relaut*) yang hanya mendampingi Arung Salamiah sahaja dan tidak mendekati orang lain. Selanjutnya, pada pertengahan usia remaja Arung Salamiah, satu peristiwa ajaib dan sangat misteri telah berlaku apabila beliau telah menyelamatkan seorang kanak-kanak yang telah dipatuk ular tedung dengan menyedut bisa ular tersebut lalu pengsan akibat terkena bisanya. Kemudian, ular tedung yang lebih besar datang menghampirinya dan terus mematuk kaki Arung Salamiah yang terkena bisa itu seolah-olah sedang menyedut bisa yang

ada dalam badan Arung Salamiah. Arung Salamiah kemudiannya sedar semula dan melihat ular tedung yang besar itu masuk ke dalam hutan dan terus hilang daripada pandangan (Informan 1) ².

Disebutkan bahawa Arung Salamiah akan menari tarian Igal *Tabawan* semasa majlis keramaian yang diadakan. Tarian yang lemah gemalai diiringi rentak kaki dan bahu dipersembahkan akan diiringi dengan bacaan-bacaan *Lugu* ³ sebelum Tanjung Kalang ⁴ melakukan *kalangannya* ⁵. Saat Tanjung Kalang *berkalang*, Arung Salamiah akan mengubah rentak tariannya kepada persembahan tarian Igal *Limbayan* kerana roh dan semangat jin mulai mendampingi beliau dan apabila roh merasuk tubuh badannya, Arung Salamiah akan bertindak dengan lebih agresif dan seterusnya merubah tarian tersebut kepada tarian *Panangsang*, seperti yang telah digambarkan dalam karya Yee Ting Wong pada persembahan teater muzikal Arung Salamiah bersempena Sabah Fest 2010, menunjukkan Arung Salamiah mempunyai aura yang digambarkan melalui pelbagai warna seperti biru dan merah. Perlambangan ini diterjemahkan oleh pelukis untuk menampilkan kecantikan dan aura ghaib yang sedang menyelubungi Arung Salamiah semasa menari tarian Igal *Tabawan*. Biru putih melambangkan aura angin, manakala merah kuning melambangkan aura kuasa, kecantikan dan keanggunan Arung Salamiah (Informan 2) ⁶.



Rajah 1 Gambaran legenda Arung Salamiah


(Sumber: Lukisan oleh Yee Ting Wong sempena persembahan teater muzikal Arung Salamiah pada Sabah Fest 2010.)



Rajah 2 Gambaran Arung Salamia menari tarian igal Tabawan bersama Tanjung Kalang

(Sumber: Lukisan oleh Yee Ting Wong sempena persembahan teater muzikal Arung Salamia dalam Sabah Fest 2010.)

Sehubungan itu, persembahan tari ritual *Panangsang* dipengaruhi oleh legenda masyarakat Bajau Laut dan pengamalan spiritual adat dan kepercayaan masyarakat mereka yang merangkumi mantera, *Lugu*, *Kalang* dan *Tagunggu*. Faktor-faktor ini dipercayai telah menjadi transisi perubahan yang membawa persembahan tarian Igal *Limbayan*, *Tabawan* dan *Lellang* mulai berubah daripada sudut gerak, ruang, pola lantai dan dimensi alam realiti kepada alam ghaib, iaitu ketika persembahan tersebut telah mencapai peringkat menurun dalam sesebuah upacara ritual yang dilangsungkan. *Kalamat* akan menjadi penentu kepada transisi perubahan dalam persembahan ini, sekali gus menjadikan tarian *Panangsang* sebagai sebuah rangsangan untuk merangsang roh dan semangat halus. Keberadaan pesakit serta keluarga dan individu yang menarik tari ritual tersebut adalah bertujuan untuk menjadikan tarian *Limbayan*, *Lellang* dan *Tabawan* berubah kepada tarian *Panangsang* yang sangat penting untuk membantu *Kalamat* berhubung dan berkomunikasi dengan alam roh seperti yang dijelaskan dalam rajah di bawah. Ketiga-tiga jenis tarian akan ditarikan terlebih dahulu dengan iringan muzik *Tagunggu*. Setelah itu, *Lugu* dan *Mantlak* (mantera) akan dibaca bertujuan mengundang semangat halus untuk merasuk tubuh badan pesakit. Roh atau semangat halus yang merasuk tubuh badan penari akan membawa tarian tersebut kepada persembahan tarian *Panangsang*.



Rajah 3 Model transisi perubahan tarian *Igal-Igal* kepada persembahan *Panangsang*

PERINGKAT EKSPOSISI PERSEMBAHAN *PANANGSANG*

Pada peringkat permulaan persembahan tari ritual *Panangsang*, *Kalamat* akan memulakan bacaan *mantlak* untuk memastikan kesempurnaan sesebuah ritual yang akan dilangsungkan. Selain itu, *mantlak* digunakan untuk melaksanakan protokol persembahan ritual yang telah ditetapkan oleh nenek moyang terdahulu. Mantera adalah salah satu keperluan budaya yang mengagumkan, bukan sahaja daripada aspek bahasa dan sifat-sifat intrinsiknya, tetapi juga daripada nilai-nilai ekstrinsik, kerangka luaran termasuk perlakuan, kostum dan objek-objek simbolik dalam persembahan dan ritual yang berhubung dengan pengamalan mantera (Noriah Taslim, 2007:192). *Mantlak* akan dibacakan dalam tiga jenis, bergantung kepada persembahan *Panangsang* yang dilakukan, iaitu sebanyak tiga kali dipersembahkan dalam sehari untuk upacara ritual *Magduwata* dan tujuh kali untuk upacara ritual *Kok Ta'un*. Selebihnya, jika persembahan *Panangsang* yang dipersembahkan lebih daripada tiga kali, persembahan yang dilakukan dianggap sebagai persembahan hiburan semata-mata kerana persembahan tersebut tidak diiringi dengan *mantlak*.

1. Bacaan *Mantlak Amuk-Amuk* (Mantera Pertama)

Mantlak pertama yang akan dibacakan sebelum proses persembahan *Panangsang* adalah *Mantlak Amuk-Amuk* yang bermaksud dalam bahasa Bajau sebagai

memohon doa daripada Allah SWT. Secara literal, pendefinisian *Mantlak Amuk-Amuk* adalah merujuk kepada *mantlak* untuk memohon berkat dan izin daripada roh nenek moyang atau semangat jin dan seterusnya disampaikan kepada malaikat dan Allah SWT. *Mantlak Amuk-Amuk* akan dibaca oleh *Kalamat* kepada pesakit yang akan diubati. Roh nenek moyang akan berkomunikasi di alam jin untuk mengenal pasti sama ada penyakit tersebut datangnya daripada roh jahat atau sumpahan nenek moyang terdahulu. Sekiranya sumpahan tersebut daripada roh nenek moyang, maka *Mantlak Amuk-Amuk* akan dibacakan kerana *mantlak* ini akan menjadi penawar, diikuti dengan persembahan *Panangsang* untuk peringkat komunikasi yang seterusnya.

Bacaan *Mantlak Amuk-Amuk*

Bahasa Bajau	Terjemahan
<i>Bismillahirrahmanirrahim</i> <i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Palmainan hikmat ibris</i> <i>Pulang pijina jadina</i> <i>Suku Allah, Rantai Allah</i> <i>Salah ujung</i>	Bismillahirrahmanirrahim Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Permainan hikmat iblis Kembalikanlah kepada asal usul kejadiannya Kuasa Allah, keajaiban Allah Kesilapan lalu
<i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Palmainan hikmat ibris</i> <i>Pulang pijina jadina</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Permainan hikmat iblis Kembalikanlah kepada asal usul kejadiannya
<i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Palmainan nabi adam,</i> <i>Pulang pijina jadina</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Permainan Nabi Adam Kembalikanlah kepada asal usul kejadiannya
<i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Palmainan jin islam</i> <i>Pulang balik pijina jadina</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Permainan jin Islam Kembalikanlah kepada asal usul kejadiannya
<i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Palmainan jin kapil</i> <i>Pulang balik pijina jadina</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Permainan jin kafir Kembalikanlah kepada asal usul kejadiannya
<i>Allah humma Balik Sumpa'</i> <i>Palmainan Manusia</i> <i>Nik dik Mohon Mustajab</i> <i>Barakat Laillah Ha Illaulah</i> <i>Barakat Muhammadar Rasulullah.</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Permainan manusia Kami memohon doa mustajab Berkat Laillahaillallah Berkat Muhammadar Rasulullah.

(Amsina binti Hj. Moteh, temu bual pada 7 Januari 2016)


2. Titikan *Tagunggu'*

Selesai sahaja *Kalamat* membacakan *Mantlak Amuk-Amuk*, pemuzik akan memainkan peranan mereka dengan melakukan persembahan *tagunggu'* yang dikenali sebagai *titikan* (not muzik) daripada kompilasi permainan alatan muzik

tradisional kulintangan dan *Gabbang*⁷. *Titikan* akan dimainkan dalam tiga jenis, iaitu *titikan tabawan*, *titikan limbayan* dan *titikan lellang*. Pemuzik akan melakukan *titikan* berdasarkan gerak hati dan perbincangan dalam kalangan mereka untuk memilih muzik *titikan* kulintangan yang ingin dimainkan. Sebagai contoh, pada set pertama, pemuzik akan memainkan *titik tabawan* dan pada set yang kedua pula adalah menggunakan runut bunyi *titikan lellang* dan akhir sekali daripada *titikan limbayan*.


Gerak hati yang dimaksudkan ialah ketua pemuzik akan melihat persekitaran dan cuba merasakan sesuatu interaksi dengan alam ghaib yang menggunakan rasa dan pengamatan di sekitarnya bagi mengenal pasti irama muzik yang paling sesuai dimainkan pada waktu tersebut. Secara teknikalnya, pemuzik-pemuzik akan menilai berdasarkan penari yang akan menari, sama ada wanita lebih dominan ataupun penari lelaki yang lebih dominan. Sebagai contoh, jika individu lelaki yang menari lebih ramai, maka muzik *titik lellang* akan dimainkan dan sebaliknya jika individu wanita lebih ramai menari, muzik *titik limbayan* dan *titik tabawan* pula yang akan dimainkan. Jika individu-individu yang menari seimbang dari jumlah lelaki dan wanita, maka pemuzik akan memainkan *titik limbayan*.

Titik kulintangan yang dimainkan untuk ketiga-tiga jenis tarian ini telah disusun atur mengikut not muzik oleh Alain Martenot dan Jose Maceda. Not muzik untuk setiap *titikan* adalah berbeza mengikut pukulan dan rentak pada kulintangan yang dimainkan. Rajah 4, 5 dan 6 masing-masing menjelaskan not muzik untuk ketiga-tiga jenis titikan. Bacaan ringkas berkenaan not-not tersebut dapat dibezakan dengan not perulangan dan tempoh pukulan pada kulintangan serta gabungan pada not muzik daripada alat muzik yang lain seperti gong dan *tambul* (gendang).




Rajah 4 Notasi muzik *titik tabawan*

(Sumber: Alain Martenot & Jose Maceda. 1982. *Sama De Sitangkai, a record of music and excerpts of kata-kata* oleh ORSTOM. Hlm. 5.)



Rajah 5 Notasi muzik *titik Limbayan*

(Sumber: Alain Martenot & Jose Maceda. 1982. *Sama De Sitangkai, a record of music and excerpts of kata-kata* oleh ORSTOM. Hlm. 6.)



Rajah 6 Notasi muzik *titik Lellang*

(Sumber: Alain Martenot & Jose Maceda. 1982. *Sama De Sitangkai, a record of music and excerpts of kata-kata* oleh ORSTOM. Hlm. 7.)

3. *Magpa-igal*

*Magpa-igal*⁸ akan dilakukan serentak dalam peringkat eksposisi persembahan *Panangsang*. Berdasarkan analisis data pemerhatian dan perolehan data sekunder melalui rakaman video, tarian *Igal* yang ditarikan seolah-olah menyalurkan tenaga ghaib yang melibatkan dua dimensi alam, iaitu alam realiti dan ghaib. Tarian *Igal Lellang* adalah tarian yang ditarikan oleh lelaki kerana gerak tari dan pola lantai yang lebih agresif, bertenaga dan dominan. Menurut bahasa Bajau, pergerakan yang bertenaga dan agresif lebih dikenali sebagai *Kuntau* atau *Kuntao*⁹ yang bermaksud gerak silat. Berdasarkan Hanafi Hussin (2008:155), tarian *Igal Lellang* ditarikan oleh *Jin Lella*, iaitu jin yang berjantinakan lelaki untuk menunjukkan kegagahan dan kekuasaannya di alam ghaib. Merujuk kepada ritual *Magduwata*

dan *Kok Ta'un*, masing-masing akan melakukan proses *magpa-igal* sebanyak sembilan dan tujuh kali. Tujuannya adalah untuk mencapai tahap menurun dan menari dalam alam ghaib yang membolehkan *kalamat* berhubung dengan roh ghaib. Oleh hal yang demikian, setiap kali proses *Magpa-Igal* dilakukan, bantuan daripada elemen-elemen persembahan haruslah berinteraksi dengan tarian yang ditarikan. Seperti yang dijelaskan oleh Hanafi Hussin dan MCM Santamaria pada gambar di bawah, penari lelaki akan menarik tarian *Kuntao* sebagai cara untuk menghubungkan alam manusia dengan alam ghaib sambil bertujuan merangsang *Jin Lella*.



Rajah 7 Persembahan tarian igal *Lellang* yang ditarikan oleh barisan penari lelaki

(Sumber: Hanafi Hussin & MCM Santamaria, 2012.)


Seterusnya adalah persembahan tarian Igal *Limlayan*. Perkataan *limbay* atau *limbai* berasal daripada bahasa Suluk yang bermaksud melambaikan tangan. Dalam bahasa Bajau pula bermaksud menguak pada tangan, siku dan baju seolah-olah seekor burung yang terbang tinggi. Maka, gerak tari *Igal Limlayan* ditarikan dalam bentuk menguak tangan seperti kuak kupu-kupu yang sentiasa menaikkan tangan kanan dan kiri secara berselang-seli. *Igal limlayan* hanya mementingkan gerakan siku, lengan dan bahu untuk digerak dan dilambaikan ke atas dan ke bawah. Gerakan pada bahagian pergelangan tangan dan telapak tangan kurang diutamakan kerana tarian tersebut hanya untuk *Igal Tabawan*. Mengikut gerakan orang-orang terdahulu, *Igal Limlayan* hanya akan ditarikan secara berpusing-pusing sambil melambaikan tangan. Tiada gerak tari dan pola lantai yang khas untuk menarik tarian *Igal limlayan* ini.



Rajah 8 Persembahan tarian igal *Limbayan* yang ditarikan oleh barisan penari wanita untuk *Jin Randah*

(Sumber: Hanafi Hussin & MCM Santamaria, 2012.)

Berbeza pula dengan tarian Igal *Tabawan* yang paling kerap ditarikan dalam ritual *Panangsang* kerana tarian ini hanya boleh ditarikan oleh individu wanita sahaja. *Tabawan* merujuk kepada nama tempat di negara Filipina menghala ke selatan yang terletak di kepulauan utara Pulau Ubian. Komuniti yang menetap di kepulauan ini terdiri daripada masyarakat Bajau yang dikenali sebagai Bajau Ubian. Migrasi penduduk dan proses asimilasi budaya yang menular ke Borneo telah menjadikan tarian Igal *Tabawan* sebagai satu tarian tradisi masyarakat Bajau yang digunakan untuk persembahan keramaian dan ritual. Tarian *Igal Tabawan* amat menumpukan pada pergerakan tengkuk, pergelangan tangan, telapak tangan, bahu, lengan, siku dan pergerakan kaki. Semua anggota badan penari akan digerakkan secara berlainan kiraan dan gerak. Sebagai contoh, jika telapak tangan digerakkan dengan memulakan kiraan 1-2-3-4, siku pula dimulakan dengan kiraaan 2-3-4-1, manakala bahu pula akan dikira dengan kiraaan 3-4-1-2 dan begitulah seterusnya.



Rajah 9 Kedudukan Pulau Tabawan di selatan Ubian, Filipina asal usul kepada nama tarian *Igal Tabawan*

(Sumber: OpenStreetMap.org.ph. Mina-mapa ang pilipinas-view map of Tabawan island.)

PERINGKAT KEMUNCAK DALAM PERSEMBAHAN *PANANGSANG*

Setelah *Mantlak Amuk-Amuk*, *Tagunggu'* dan *Magpa-Igal* dilakukan, kajian seterusnya meneliti kepada perkembangan dalam kronologi persembahan *Panangsang* yang mempamerkan konflik dalam persembahan tarian tersebut. Perkembangan yang dimaksudkan adalah ketika tarian-tarian *igal* ditarikan sama ada *Igal Lellang*, *Igal Limbayan* dan *Igal Tabawan*, *kalamat* akan memainkan peranannya untuk berusaha memanggil roh nenek moyang dan semangat jin. Tujuannya adalah untuk memastikan roh nenek moyang akan merasuk tubuh mana-mana individu yang menarik tarian tersebut ataupun tubuh badan *kalamat* itu sendiri. Pada peringkat ini, penari hanya menari sehingga mencapai proses menurun. Setelah proses menurun berlaku, persembahan *Panangsang* akan mulai mencapai peringkat klimaks dalam persembahannya.

Pada peringkat ini, terdapat beberapa orang daripada pelaku yang menari akan disampuk atau dirasuk oleh semangat jin dan roh nenek moyang. Oleh hal yang demikian, *kalamat* dan pembantunya, iaitu *Dayang-Dayang*¹⁰ memulakan sesi komunikasi bersama dengan roh tersebut. Pada peringkat ini juga, *kalamat* akan meresapkan roh dan tubuhnya ke alam ghaib dengan memastikan roh *Tuan*


*Aulia*¹¹ untuk masuk ke tubuhnya dan berkomunikasi dengan roh jin tersebut. Menurut informan, komunikasi yang sempurna bersama roh jin dapat memastikan penyakit yang dihadapi seseorang itu dapat diubati dan pesakit akan menjadi lebih sihat dan hidup secara normal. Lazimnya, roh akan disatukan dengan tubuh badan. Hal ini disebabkan kosmos dalam manusia merujuk kepada kesucian fikiran dan amalan serta bahagian-bahagian tubuh badan. Masyarakat Bajau Laut meyakini bahawa terdapat roh yang boleh merasuk dan meresap ke dalam tubuh badan manusia melalui anggota tubuh badan dan pemikirannya.

Menurut Islam, bahagian-bahagian tubuh badan mempunyai semangat sendiri dan menjadi saksi tentang kelakuan pemiliknya. Umpamanya, jika kita mencuri, tangan akan berkata-kata di akhirat kelak bahawa kita mencuri (Mohd Kipli, 2009: 118). Perkaitan ini dikaitkan dengan unsur kosmos pandangan masyarakat Bajau yang menjelaskan tentang nyawa pada setiap anggota tubuh badan dan mampu menjelaskan tentang perilaku dan peribadi seorang manusia. Menurut al-Biruni, terdapat pertalian yang rapat antara bahagian tubuh badan manusia dengan lambang-lambang zodiak seperti yang dijelaskan secara terperinci berkenaan pengertian zodiak;

Bahagian kepala dan muka berkait dengan Aries, leher dan tengkorak kepala berkait dengan Taurus, tangan dan bahagian ke bawah iaitu pergelangan tangan serta tapak tangan berkait dengan Gemini, hati berkait dengan Leo, rahim dan kandungan berkait dengan Virgo, belakang dan punggung berkait dengan Libra, kemaluan berkait dengan Sagitarius, lutut berkait dengan Capricorn, tulang berkait dengan Aquarius dan tapak kaki bahagian bersama tapak serta buku lali berkait dengan Piecces (*sic*).


(Mohd Kipli, 2009: 118)

Sehubungan itu, merujuk kepada Rajah 3, roh dan jin boleh merasuk ke dalam tubuh badan manusia melalui anggota tubuh badan yang dianggap pintu masuk kepada roh dan jin. Menurut *Kalamat*, roh akan meresap ke dalam tubuh badan penari ketika menarikan tarian *Panangsang* melalui pergelangan tangan (titik nadi), tengkuk, anak jari manis, belakang, lutut dan jari kaki. Oleh hal yang demikian, persembahan tarian-tarian asas seperti *Igal Tabawan*, *Lellang* dan *Limbayan* mendedahkan anggota-anggota tubuh badan yang dipercayai pintu kepada roh untuk digerak dan difokuskan. Sebagai contoh, gerakan penari adalah menumpukan pada gerakan jari dan pergelangan tangan, di samping menggerakkan tengkuk ke arah kanan dan kiri sambil menaik dan menurunkan lutut serta berkengkeng pada tumit dan jari kaki semasa *mengalai*. Tindakan tersebut bukanlah disengajakan, sebaliknya dilakukan untuk memudahkan roh merasuk ke dalam tubuh badan.



Rajah 10 Model dimensi transisi proses menurun persembahan tari ritual *Panangsang*

Komunikasi lisan dan komunikasi tanpa lisan akan berlaku, bahasa yang kurang jelas diselang-selikan dengan jeritan antara individu yang dirasuk, iaitu pesakit dan *kalamat* akan terjadi. Komunikasi tanpa lisan akan ditampilkan melalui persembahan *Panangsang* yang menunjukkan simbol-simbol untuk menyampaikan mesej kepada keluarga pesakit dan orang ramai yang hadir. *Dayang-dayang* menterjemahkan komunikasi tersebut atau *kalamat* sendiri yang akan menerangkan apa yang telah dibualkan antara tubuh *kalamat* dengan roh jin. Jika penyakit tersebut datangnya daripada jin atau syaitan, maka perbincangan antara makhluk halus akan berlaku untuk mewujudkan perjanjian yang perlu dipatuhi oleh pesakit dan keluarganya. Umumnya, komunikasi lisan yang ditunjukkan dalam tindakan jeritan, dialog antara *kalamat* dan roh yang merasuk tubuh badan salah seorang penari. Komunikasi tanpa lisan pula ditampilkan dengan ragam gerak yang menunjukkan roh yang merasuk tubuh badan penari seperti yang dijelaskan pada Rajah 11.



Rajah 11 Model dimensi formasi gerak pada peringkat klimaks proses menurun persembahan tari ritual *Panangsang*

Berdasarkan gerakan dan tindakan yang dilakukan oleh para penari ketika menarikan tarian *Panangsang* adalah saling berkaitan dengan makrokosmos dan mikrokosmos kehidupan mereka. Hal ini disebabkan gerak tari dan tubuh yang ditonjolkan seolah-olah menampilkan gerakan haiwan yang dikaitkan dengan jelmaan roh nenek moyang, jin atau iblis dan syaitan. Gerakan seperti helang, ikan pari, penyu, burung, ayam, harimau, kucing dan ikan melambangkan roh yang hadir merasuk tubuh badan para penari adalah daripada kalangan roh nenek moyang dan sesi komunikasi akan berlangsung antara *kalamat* dan roh nenek moyang tersebut. Sekiranya gerakan yang ditonjolkan dalam bentuk-bentuk haiwan berbisa seperti ular tedung, kala jengking, labah-labah, ular sawa, kelawar dan ular laut menunjukkan roh-roh jahat seperti syaitan dan iblis sedang merasuk tubuh badan penari. Komunikasi akan berlangsung antara *kalamat* dengan syaitan dan iblis kerana dipercayai, makhluk ini adalah penggunaan sihir dan ilmu hitam. Jadual 1 akan menjelaskan tentang komunikasi gerak yang dipersembahkan oleh penari ketika berada dalam keadaan menurun. Pelbagai ragam gerak yang akan ditunjukkan dan mempunyai maksud.

Jadual 1 Analisis gerak dan formasi gerak dalam persembahan tari ritual *Panangsang*

Gerak	Formasi Gerak	Keterangan
	Helang	Lazimnya, persembahan <i>Panangsang</i> yang mencapai tahap alam ghaib akan dimulakan dengan gerakan seperti seekor burung helang. Tindakan ini dipercayai bahawa roh atau jin sedang merasuk ke dalam tubuh badan penari. Gaya tangan yang dilentik dan dinaikkan ke atas seolah-olah menunjukkan helang membuka kepaknya adalah menjelaskan roh atau jin masuk ke dalam tubuh badan penari daripada pintu tubuh pergelangan tangan (nadi) atau jari manis.
	Burung	Posisi menegak sambil mengetipkan jari tengah bersama ibu jari menunjukkan penari sedang melakukan posisi burung. Bermakna, roh yang merasuk tubuh badan penari adalah dalam kalangan keturunan <i>Ombo' Endang</i> . Umumnya, burung adalah haiwan yang tidak berbisa dan sering memberikan petanda yang baik kepada anak cucunya. Pergerakan seperti burung ini akan dilanjutkan dengan gerakan tangan yang gemalai dan jari-jari akan digerakkan seolah-olah sedang mengepak.
	Ikan Pari	Pari adalah sinonim dengan kehidupan masyarakat Bajau Laut di Kampung Gelam-Gelam. Kebanyakan saka yang menjadi warisan dalam sistem keturunan mereka dipercayai hadir dalam bentuk ikan pari. Hal ini juga dikaitkan dengan legenda Arung Salaria yang mana, beliau bermain dan bersahabat dengan pari (<i>Jin Laut</i>) dan pari tersebut yang menyelamatkan Arung Salaria daripada diburu oleh Jamalul Kiram dengan naik di atas badan ikan pari lalu dibawa ke kawasan Bohey Dulang.
	Penyu	Penyu juga adalah berkait rapat dengan warisan saka masyarakat Bajau Laut. Haiwan ini dipercayai sering menjadi jelmaan roh nenek moyang yang ingin menunjukkan dirinya kepada khalayak. Bentuk tubuh badan yang direndahkan sambil tangan diletakkan ke belakang menunjukkan cangkerang penyu. Keadaan ini akan menjelaskan bahawa roh yang merasuk adalah dalam kalangan roh nenek moyang dan roh tersebut merasuk tubuh badan penari melalui pintu belakang lutut dan jari manis.

	Ayam	Tindakan penari yang meletakkan tangannya di sebelah sisi tubuh badannya sambil menguakkan telapak tangan menjelaskan bahawa ragam gerak ayam sedang dijelaskan oleh roh yang merasuk tubuh badan penari. Perilaku ini menjelaskan bahawa roh yang hadir untuk berkomunikasi dengan <i>kalamat</i> adalah dalam bentuk jelmaan ayam. Penari akan mengepakkan tangannya seolah-olah menunjukkan ayam sedang berkokok ataupun ingin menyerang (menyabung).
	Ikan	Formasi gerak seperti ikan adalah sama signifikannya dengan formasi gerak ikan pari dan penyu. Gaya ini sering ditonjolkan melalui gerakan tangan penari yang diselang-selikan gerakannya seperti menjelaskan ikan yang sedang berenang. Pada masa yang sama, jari jemari akan digerakkan seperti gerakan arus lautan menunjukkan bahawa roh yang merasuk tubuh badan penari adalah dalam bentuk jelmaan ikan. Kebiasaannya roh akan merasuk melalui tengkuk dan tangan (nadi).
	Ular Tedung	Formasi gerakan seolah-olah seekor ular tedung menunjukkan bahawa tubuh badan pesakit telah dipengaruhi oleh sihir, ilmu magis dan amalan ilmu hitam. Penyakit yang dihadapi pesakit adalah mempunyai unsur negatif dan berbisa. Jika penari menarikan formasi gerak ini tanpa henti, keadaan menjelaskan bahawa sihir yang ada dalam tubuh badan pesakit perlu diubati dengan segera kerana dikhuatiri akan membawa kepada kematian. Simbol ini menjelaskan bahawa ular tedung mempunyai bisa yang boleh membawa maut.
	Kala jengking	Kala jengking juga dikenali sebagai haiwan berbisa. Kala jengking menjelaskan bahawa tubuh badan pesakit atau keadaan kampung dalam merbahaya dan perlu diubati dengan segera. Roh yang merasuk tubuh badan penari adalah bukan dalam kalangan roh nenek moyang, sebaliknya iblis dan syaitan sedang merasuk tubuh badan penari dan menjelaskan bahawa pesakit dalam keadaan yang membolehkan musibah berlaku.

	Labah-labah	Penanda formasi labah-labah menjelaskan bahawa pesakit telah terkena sumpahan nenek moyang (<i>busung</i>). Oleh itu, gerakan tangan akan membentuk gerakan seolah-olah labah-labah sedang berjalan sambil tangan dilentikkan dan mengalai tarian <i>Panangsang</i>. <i>Kalamat</i> akan melakukan formasi ini untuk menjelaskan permohonan maaf dan keampunan daripada pesakit atau penduduk kampung agar sumpahan yang dikenakan oleh nenek moyang dilupakan dan dengan kesihatan.
	Ular Sawa	Ular sawa menggambarkan penunggu hutan yang tidak berpuas hati kerana kemungkinan pesakit atau penduduk kampung telah melanggar pantang larang ketika berada dalam hutan. Oleh itu, jelmaan roh yang masuk tubuh badan pesakit akan hadir dan menyampaikan mesej bahawa terdapat perkara yang telah melanggar larangan ketika berada di hutan. Sehubungan itu, pesakit atau penduduk kampung wajar membayar ganti rugi (<i>Pagjamuhan</i>) untuk sajian jin tanah.

Sebarang kecuaiian untuk menepati perjanjian tersebut menyebabkan pesakit mengalami sakit yang lebih teruk. Antara perjanjian-perjanjian yang biasa dimeterai adalah permohonan maaf secara terbuka kepada mana-mana individu yang pesakit atau keluarganya telah melakukan kesalahan, mengadakan kenduri doa selamat kepada roh nenek moyang, sebetuk cincin dan sejumlah wang berian kepada *kalamat* dan upacara menolak bala yang perlu dilaksanakan oleh pesakit dan keluarganya dalam tempoh yang ditetapkan. Ketika persembahan tari ritual *Panangsang* itu mulai mencapai tahap persetujuan dan jin dapat mengubati pesakit, *kalamat* akan membacakan bacaan mantera *pamanulak bala* sebagai tanda termeterainya janji dan persetujuan antara *kalamat* dan roh nenek moyang ataupun jin.

Bacaan *Mantlak-Pamanulak Bala'* (Mantera Kedua)

Bahasa Bajau	Terjemahan
<i>Bismillahirrahmanirrahim</i> <i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Jikalau perbuatan saitan</i> <i>Ditulak Allah ta'ala kepada saitan</i>	Bismillahirrahmanirrahim Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Jika ini perbuatan syaitan Kembalikanlah kepada syaitan
<i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Jikalau perbuatan ibris</i> <i>Ditulak Allah ta'ala kepada ibris</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Jika ini perbuatan iblis Kembalikanlah kepada iblis
<i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Jikalau perbuatan hantu</i> <i>Ditulak Allah ta'ala kepada hantu</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Jika ini perbuatan hantu Kembalikanlah kepada hantu
<i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Jikalau perbuatan jin</i> <i>Ditulak Allah ta'ala kepada jin</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Jika ini perbuatan jin Kembalikanlah kepada jin
<i>Allah humma balik sumpa'</i> <i>Jikalau perbuatan manusia</i> <i>Ditulak Allah ta'ala kepada manusia</i>	Ya Allah perkenankanlah permintaan ini Jika ini perbuatan manusia Kembalikanlah kepada manusia
<i>Ya Jabarail, Ya Mikail</i> <i>Ya Isfaril, Ya Izrail</i> <i>Ya Abu bakar, Ya Usman, Ya Ali</i> <i>Ya Saidina, Ya Maulana</i> <i>Ya Tuhanku</i> <i>Rabbul-rabbul Alamin</i>	Ya Jibril, Ya Mikail Ya Isfaril, Ya Izrail Ya Abu Bakar, Ya Usman, Ya Ali Ya Saidina, Ya Maulana Ya Tuhanku Ya Rabbul Alamin
<i>Ya Tuhanku, Ya Saidina</i> <i>Ilmu sapa, Galanggang</i> <i>Sin tempat jalnang</i> <i>Kubba-kubba timbangan tingting</i> <i>Barakat laillah ha illaulah</i> <i>Barakat Muhammadar Rasullullah</i>	Ya Tuhanku, Ya Saidina Sembuhkanlah segala muslihat Dari tubuh kami Pada hujung titian sirat Berkat laillah ha illaulah Berkat Muhammadar Rasullullah

(Sumber: Amsina binti Hj. Moteh, temu bual pada 7 Januari 2016)

PERINGKAT PELERAIAN PERSEMBAHAN *PANANGSANG*

Peringkat peleraian persembahan tari ritual *Panangsang* menyaksikan tubuh badan individu yang dirasuk, yakni pesakit atau *kalamat* sendiri mulai lemah dan hilang kawalan. *Kalamat* dan pembantunya akan menyapu air mata duyung ke muka individu yang dirasuk untuk membawa roh individu tersebut kembali kepada jasad tubuh badan mereka yang asal. Demikian juga, *kalamat* akan menjelaskan beberapa pertikaian dan penjelasan kepada keluarga pesakit berkenaan komunikasi

antara jin dan *kalamat*. Syarat dan janji yang telah ditetapkan oleh jin atau roh nenek moyang harus ditunaikan segera agar penyakit yang menimpa pesakit dapat diubati. *Kalamat* akan menjelaskan perjanjian tersebut dan keluarga pesakit harus mematuhiinya. Jika tidak, pesakit akan mengalami sakit yang lebih parah dan boleh membawa kepada kematian. Selesai sahaja perjanjian dimeterai antara *kalamat* dan keluarga pesakit, *kalamat* akan membacakan bacaan mantera yang terakhir sambil memegang air campuran daun *kisul* (daun cekur) untuk diberikan kepada pesakit dan diminum.

Bacaan Mantlak Panulak Palkataan (Mantera Ketiga)

Bahasa Bajau	Terjemahan
<i>Bismillahirrahmanirrahim</i>	Bismillahirrahmanirrahim
<i>Pitu' batang bamban</i>	Tujuh batang kuih ubi
<i>Ampa kamu di' timulak</i>	Kenapa tidak kamu berjalan
<i>Minsan sihigad langit</i>	Sedangkan siput di hujung langit
<i>Timulak da'</i>	Turut berjalan
<i>Barakat laillah Ha Illaulah</i>	Berkat Laillah Ha Illaulah
<i>Barakat Muhammadar Rasulullah</i>	Berkat Muhammadar Rasulullah

(Sumber: Amsina Hj. Moteh, Kampung Bubul, Semporna, Sabah)

Persembahan tari ritual *Panangsang* akan diteruskan bergantung dengan upacara ritual yang dilaksanakan. Ritual *Magduwata* persembahan tari ritual *Panangsang* akan dilakukan sebanyak tiga set persembahan dalam sehari dan akan dilaksanakan sebanyak sembilan kali dalam tempoh tiga hari. Hal ini dilakukan untuk mencapai tahap *trance* dan memastikan sesi dialog dan komunikasi bersama jin dan roh nenek moyang akan terlaksana. Selain itu dalam ritual *Kok Ta'un* pula, persembahan tari ritual *Panangsang* akan dilakukan sebanyak tiga kali sahaja. Selesai sahaja persembahan tari ritual *Panangsang* itu dilaksanakan dan mencapai matlamatnya, pesakit akan beransur pulih dan kembali sihat seperti biasa.

RUMUSAN

Sesungguhnya, hubungan persembahan dengan penyembuhan adalah saling berkait yang akarnya ditunjangi oleh naratif tentang kewujudan hubungan antara alam manusia dan alam ghaib. Aspek persembahan *Panangsang* pada peringkat menurun menjelaskan tentang perubahan-perubahan semasa persembahan tarian tradisional dilakukan telah membentuk satu situasi dalam alam ghaib yang menghubungkan alam fizikal dengan alam ghaib, sekali gus mengikat hubungan antara dua alam ini, iaitu manusia dan makhluk halus melalui konsep keseimbangan memungkinkan persembahan *Panangsang*

dimanifestasikan. Struktur persembahan diteliti untuk mengenal pasti punca dan sebab keperluan itu perlu dilakukan dalam ritual yang dijalankan. Kepercayaan terhadap keseimbangan alam nyata dapat memberi kesejahteraan menjadikan persembahan *Panangsang* berfungsi sebagai medium penyembuhan kerana dipercayai berupaya mengembalikan keseimbangan alam nyata. Dalam konteks tradisional, persembahan ini memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat. Merujuk kepada persembahan yang berfungsi sebagai alat penyembuhan, peranan *Tagunggu'* bukan sahaja sebagai pemain muzik dan penyanyi tetapi juga sebagai penyembuh penyakit. Ekoran kemahiran *kalamat* dalam bidang seni persembahan dan perubatan ini, beliau turut menjadi bomoh dalam kehidupan sebenar. Sehubungan itu, aspek penyembuhan dalam persembahan ritual masyarakat Bajau Laut dikategorikan sebagai *faith healing*, iaitu merujuk amalan ritual yang berhubungan dengan kepercayaan keagamaan. Penyembuhan berlaku ekoran kepercayaan terhadap kuasa spiritual yang menjadi intervensi dalam proses penyembuhan tersebut.

NOTA

- ¹ *Kalamat* adalah bomoh atau dukun yang menjadi pelaku utama dalam mengendalikan sesuatu upacara ritual yang diadakan.
- ² Tiharun binti Danggan. 62 tahun. Kampung Gelam-Gelam, Pulau Bum-Bum, Semporna. Pembantu *Kelamat*. Temu bual pada 22 Februari 2016.
- ³ Bacaan ayat-ayat al-Quran yang dibaca dalam bentuk lagu atau syair.
- ⁴ Tunangan kepada Arung Salamiah yang telah dijodohkan dari usia kecil.
- ⁵ *Kalang* merupakan pantun dua kerat atau empat kerat yang dibacakan dalam bentuk lagu. *Kalang* dalam Bajau Laut kebiasaannya akan diiringi oleh alat muzik *Gabbang*, iaitu sejenis alat muzik zilofon kayu.
- ⁶ Yee Ting Wong. Pelukis Potret Arung Salamiah. Temu bual pada 17 Jun 2017.
- ⁷ Alat muzik yang dikenali sebagai zilofon dan diperbuat daripada kayu dan batang buluh.
- ⁸ Proses melakukan persembahan tarian *igal-igal*.
- ⁹ Sejenis persembahan seni bela diri dari negara China. Namun, dalam bahasa Bajau Laut, ia dirujuk sebagai gerakan silat.
- ¹⁰ Pembantu kepada *Kalamat* yang terdiri daripada wanita untuk menterjemahkan bahasa dan gerakan *kalamat* ketika melakukan proses mengubat.
- ¹¹ Roh yang dipelihara oleh *kalamat* Kampung Gelam-Gelam.

RUJUKAN

- Hanafi Hussin. (2008). Diaspora Bajau Laut dan pengekalan serta penerusan amalan tradisi di Sabah. *Borneo Research Journal*, hlm. 149–163.
- Hanafi Hussin & MCM Santamaria. (2012). *Celebrating with the lord of the sea (Tuan Laut): The Pangkanduli of the Sama Dilaut of Sitangkai, Tawi-Tawi Southern Philipines*. In Hanafi Hussin & MCM Santamaria (Eds.). *Sama Celebrations*:

- Ritual, Music and Dance of Sama Dilaut and Sama Bajau in Southern Philippines and North Borneo, pp. 9–22. Monograph 12. Institute of Ocean and Earth Sciences (IOES), Universiti Malaya.
- Hanafi Hussin & MCM Santamaria. (2012). Dancing with the ghosts of the sea: Experiencing the pagkanduli ritual of the Sama Dilaut (Bajau Laut) In Sikulan, Tawi-Tawi, Southern Philippines. *JATI: Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 13: pp.159–172.
- Jeniifer Trusted. (1991). *Physics and metaphysics: Theories of space and time*. Routledge Falmers.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2009). *Mabuk mistikal: Semiotik metafizik dalam Kuda Kepang Mabuk*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Taslim. (2007). *Mekanisme kuasa dalam mantera: Satu analisis dari pendekatan pragmatik*. Dlm. Rogayah A. Hamid & Mariam Salim (Ed.). *Pandangan Semesta Melayu*: Mantera, hlm. 191–214. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

TEMU BUAL

- Amsina binti Hj. Moteh. 79 tahun. Kampung Bubul, Semporna. Pengamal *Kalamat*. Temu bual pada 7 Januari 2016.
- Hj. Kapintalan bin Hj. Kalingkung. 66 tahun. Kampung Look Butun, Pulau Bum-Bum, Semporna. Ketua imam. Temu bual pada 24 Februari 2016.
- Hjh. Amsiah binti Md Said. 59 tahun. Kampung Gelam-Gelam Pg. Hj. Indanan, Pulau Bum Bum, Semporna. Pengamal *Kalamat*. Temu bual pada 9 Januari 2016.
- Hjh. Nuhilan @ Siti Nurinah binti Imam Nunukan. 58 tahun. Kampung Gelam-Gelam, Pulau Bum-Bum, Semporna. Pembantu *Kelamat*. Temu bual pada 22 Februari 2016.
- Intan Solga, 63 tahun. Kampung Bangau-Bangau, Semporna. Tokoh seni daerah Semporna (Pengiktirafan oleh Jabatan Muzium Negeri Sabah). Temu bual pada 15 Januari 2015.
- Pasamanis binti Hajirullah. 73 tahun. Kampung Gellam-Gellam Taganak, Pulau Bum-Bum, Semporna. Pemuzik kulintangan. Temu bual pada 23 Februari 2016.
- Roslizah binti Amat Banang. 41 tahun. Kampung Look Butun, Pulau Bum-Bum, Semporna. Pembantu bomoh (dayang-dayang). Temu bual pada 8 Januari 2016.
- Saharah. 71 tahun. Kampung Gellam-Gellam, Pulau Bum Bum, Semporna. Pembantu bomoh. Temu bual pada 8 Januari 2016.
- Salasiah binti. 22 tahun. Kampung Tampi-Tampi Timbayan, Semporna. Ratu *lepa* dan penari ritual *Magpaigal*. Temu bual pada 13 Januari 2015.
- Tiharun binti Danggan. 62 tahun. Kampung Gellam-Gellam, Pulau Bum-Bum, Semporna. Pembantu *Kelamat*. Temu bual pada 22 Februari 2016.
- Yee Ting Wong. Pelukis potret legenda Arung Salamiah. Temu bual pada 17 Jun 2017.

LAMAN SESAWANG

Peta Kepulauan Tabawan, Filipina. <http://openstreetmap.org.ph/map/tabawan+island>.

Dicapai pada 20 Mei 2016.

Yee Ting Wong. (2011). Arung Salamiah 84 In x 108 In (213.5 x 274.5 cm Commissioned Mixed Media). Based on the legend of Arung Salamiah. <http://everythingting.blogspot.my/2011/04/arung-salamiah.html>. Dilayari pada 28 Mei 2016.

